



Ruj. Kami : JANM(KEL).600-1/1/3 (78)
Tarikh : 19 April 2023
28 Ramadan 1444H

Semua Ketua Jabatan
Jabatan Persekutuan Negeri Kelantan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**i) PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*)
PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN; DAN**

**ii) PENGGUNAAN SATU AKAUN BANK BAGI BAYARAN KEPADA
PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR *EMPLOYEE*) MELALUI MODUL
HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL *ACCOUNT
PAYABLE* (AP)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bil. 2 Tahun 2022 telah menjelaskan mengenai Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) bagi Pembayaran Kerajaan. Kaedah semakan tambahan ini akan melibatkan pengesahan identiti Penerima Bayaran dibuat berdasarkan kepada nombor akaun bank dan nombor pendaftaran entiti yang terdapat dalam sistem pembayaran Kerajaan dan sistem bank. Bagi RENTAS, pengesahan identiti akan dibuat ke atas nama, nombor akaun bank dan nombor pendaftaran entiti Penerima Bayaran.

3. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP), JANM melaui surat edaran rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(26) bertarikh 16 Mac 2023 memaklumkan bahawa semakan tambahan akan bermula dengan pembayaran emolumen pegawai awam persekutuan melalui Modul *Human Capital Management* (HCM) – *Payroll* mengikut bank secara berperingkat. Bersama-sama ini disertakan Garis Masa Pelaksanaan Semakan Tambahan Pembayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan untuk makluman dan rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

4. Selaras dengan pelaksanaan semakan tambahan tersebut, JANM juga telah menetapkan penggunaan satu akaun bank sahaja bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor *EMPLOYEE* untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul HCM – *Payroll* dan bayaran tuntutan perjalanan (TNT) serta tuntutan lain di Modul *Account Payable* (AP). Penggunaan satu nombor akaun ini juga adalah selari dengan pelaksanaan Tuntutan Perjalanan (TNT) HRMIS yang menggunakan nombor akaun daripada sumber data HCM. **Penggunaan satu akaun bank ini berkuatkuasa pada 1 Mei 2023.**

JANM(KEL).600-1/1/3 (78)

5. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan bagi menggunakan nombor akaun selain daripada sumber data di HCM, pegawai melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mendapat pengecualian daripada Pejabat Perakaunan dengan mengemukakan justifikasi yang berkaitan.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKIFLI BIN ZAHAR C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kelantan

Second validation april 2023

PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA <i>Excellent Accounting @ Your Services</i>		Garis Masa Pelaksanaan Semakan Tambahan Pembayaran Pembayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan	
Fasa	Perkara	Tahun 2023	Tahun 2024
Fasa 1	AFFIN Bank Berhad	Mei	
	MBSB Bank Berhad		
	AGRO Bank		
Fasa 2	ALLIANCE Bank	Julai	
Fasa 3	Bank Muamalat	September	
Fasa 4	RHB Bank	November	
Fasa 5	Public Bank		Januari
Fasa 6	Bank Kerjasama Rakyat		Mac
Fasa 7	CIMB Bank		Mei
Fasa 8	Bank Simpanan Nasional		Julai
Fasa 9	Malayan Banking Berhad		September

- Tempoh pelaksanaan adalah tertakluk kepada perubahan.
- Bank Gaji yang tidak disenaraikan dalam Fasa ini akan dikemas kini setelah pembangunan sistem oleh bank dan pengujian bersama JANM berjaya.

Memperkasakan Budaya Inovasi Digital